

# URUS SISTEM RUJUKAN BUKU



SESI penerangan daripada kakitangan perpustakaan untuk perkongsian maklumat.



ABADI kenangan selepas program berakhir.



PESERTA yang juga siswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor berbincang dan bekerjasama dalam menjayakan aktiviti dianjurkan menerusi program Khidmat Masyarakat 'Program Pengurusan Dokumen dan Sistem Rujukan Buku', baru-baru ini. Program yang dianjurkan dalam bentuk bengkel pengurusan rujukan buku sistematik itu diadakan dengan kerjasama Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM.



BERBINCANG mencari penyelesaian dalam aktiviti Mini Explorasi yang bertujuan memberi pendedahan kaedah menguruskan sistem rujukan buku dengan lebih efisien dan sistematik.



PENYAMPAIAN simbolik buku sumbangan.

## Praktik teori muzik



AKSI siswa Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak ketika penganjuran program Plug and Play (PPP) baru-baru ini. Seramai 50 siswa terbabit dalam program yang bertujuan mempraktikkan teori dipelajari di dewan kuliah bagi subjek elektif Muzik Popular dan Aplikasi Gitar.



SISWA wanita juga tidak ketinggalan menunjukkan bakat terpendam.



PERSEMBAHAN duet yang mantap dan penuh keyakinan.

## 35 siswa laksana tanggungjawab sosial

SERAMAI 35 siswa Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) menyertai program turun padang bagi melaksanakan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di rumah pelancongan nelayan Kampung Tembiluk Mengkabong Tuaran, Sabah, baru-baru ini.

Rombongan pelajar yang diketuai pensyarah Komunikasi Korporat Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS Jakaria Dasan itu turut berpeluang berinteraksi dengan 150 pelancong Korea dan dua warga England di rumah terbabit. Program bertujuan memberi kefahaman terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial membabitkan siswa dan masyarakat luar.

